

R GB 11-06 00178 BB353

aab

GSP (Analisis Berita)  
Oleh Azhar Ghazali

I

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkali-kali mengingatkan anggota kesatuan sekerja tempatan supaya jangan percaya dengan cakap-cakap kesatuan sekerja asing yang kononnya memperjuangkan kepentingan pekerja Malaysia.

Perdana Menteri sering memberitahu forum-forum pekerja bahawa kesatuan sekerja asing itu sebenarnya lebih cenderung ke arah melindungi kepentingan peribadi.

Tembelang pertubuhan buruh asing seperti itu sekali lagi terdedah dengan adanya usaha terbaru oleh Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak-hak Buruh Antarabangsa (ILRERF), yang berpejabat di Amerika Syarikat, yang mahukan Malaysia dikeluarkan daripada senarai negara yang menikmati kemudahan Sistem Keutamaan Am (GSP).

GSP membolehkan sesetengah barangan Malaysia yang memasuki pasaran Amerika Syarikat diberi keutamaan tarif.

ILRERF, yang kurang senang dengan dakwaan yang sebuah syarikat dari Amerika di sini, Harris Solid State Malaysia (HSSM) bersikap anti kesatuan, telah menjadikan Malaysia sebagai sasaran kritiknya dengan berselindungkan alasan kononnya ia memperjuangkan hak pekerja.

HSSM ialah kilang elektronik yang terletak di Kawasan Perdagangan Bebas Ulu Klang di sini. -- Lagi

♥11/06/15-23MST

aaa

GSP 2 Kuala Lumpur

Jika hasrat pertubuhan buruh dari Amerika itu mahu mendapatkan sokongan pertubuhan sekerja tempatan, niatnya itu nampaknya tidak berhasil.

Buktinya ialah kenyataan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), yang dikaitkan dengan petisyen GSP sebelum ini, bahawa pertubuhan buruh asing tidak sepatutnya memeralatkan isu itu untuk menghukum Malaysia.

Presiden MTUC Encik Zainal Rampak menyifatkan ILRERF telah menyalahgunakan isu itu untuk +menyalak di tempat yang salah+.

Encik Zainal memberitahu persidangan akhbar semalam bahawa kerajaan Malaysia tidak seharusnya dihukum kerana taktik +anti kesatuan+ yang diamalkan oleh HSSM.

Dalam petisyennya, ILRERF menampilkan surat yang ditulis oleh MTUC kepada Gabungan Kesatuan Sekerja Bebas Antarabangsa (ICFTU) berhubung nasib 23 pemimpin dan anggota sekerja HSSM yang dikatakan menjadi mangsa penindasan.

ILRERF menyifatkan surat itu sebagai +maklumat baru+ bagi menyokong dakwaannya selepas kerajaan Amerika Syarikat menolak petisyen pertama yang dikemukakan tahun lepas.

MTUC terkejut apabila mengetahui bahawa suratnya kepada ICFTU digunakan sebagai senjata untuk +menyerang+ Malaysia, sambil berkata ICFTU berbuat demikian tanpa pengetahuannya. -- Lagi

♥11/06/15-24MST

R GB 11-06 00158 BB355

aab

GSP 3 Kuala Lumpur

Petisyen terhadap Malaysia pada 1988 dan 1990 dikaitkan dengan dasar berhubung dengan hak berkesatuan bagi pekerja-pekerja elektronik. Kerajaan hanya membenarkan penubuhan kesatuan dalaman untuk pekerja elektronik.

Telah menjadi hakikat bahawa syarikat-syarikat antarabangsa dari Amerika yang beroperasi di seberang laut tidak gemarkan kesatuan tetapi yang anehnya, pertubuhan-pertubuhan buruh Amerika tidak pula menyerang syarikat-syarikat itu kerana bersikap demikian.

Kesatuan Pekerja-pekerja HSSM (HSSMWU), dahulu dikenali sebagai Kesatuan Pekerja-pekerja RCA, didaftarkan pada 31 Jan, 1989 sebagai kesatuan pertama seumpama itu dalam industri elektronik di Malaysia.

Seperti diduga, penubuhannya dipandang serong oleh majikan kerana sejak ditubuhkan, kesatuan berkenaan telah membuat aduan kepada Kementerian Sumber Manusia tentang penindasan oleh majikan kilang.

Pada Nov 1989, nama RCA ditukarkan kepada HSSM ekoran pertukaran nama syarikat yang memaksa kesatuan juga menukarkan namanya melalui undi sulit. Dalam pengundian sulit itu, kesatuan mendakwa bahawa majikan menggunakan taktik mengugut terhadap pekerja. -- Lagi

♥11/06/15-24MST

CNS5742

R GB 11-06 00178 BB359

aab

GSP 4 Kuala Lumpur

Pada Januari tahun lepas, syarikat itu menyerapkan semua pekerja, kecuali 23 pekerja berkenaan, ke dalam Harris Advanced Technology (HAT) yang baru ditubuhkan. Kumpulan 23 pekerja itu (yang semuanya orang kuat kesatuan) ditugaskan dalam satu kilang di luar kawasan perusahaan Ulu Klang.

HSSM akhirnya ditutup pada September tahun lepas dan 23 pekerja itu hilang pekerjaan tetapi menerima faedah-faedah berhenti kerja.

Selepas menyasiat aduan oleh kesatuan, Kementerian Sumber Manusia mendapati bahawa pertukaran pekerja-pekerja itu dijalankan mengikut undang-undang.

Tetapi kes pertikaian berhubung dengan penamatan perkhidmatan 23 pekerja berkenaan masih belum dibicara di Mahkamah Perusahaan.

Bekas Timbalan Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran, yang menulis surat yang ILRERF sertakan bersama petisyen terbarunya, berkata pertubuhan itu tidak seharusnya menggunakan surat berkenaan sebagai senjata untuk menghentam Malaysia.

Katanya petisyen itu sebenarnya mempunyai unsur-unsur bagi memenuhi kepentingan Amerika.

+Jika Malaysia dikeluarkan daripada senarai GSP, bisnes mereka (di Amerika) lebih baik,+ kata beliau. Tanpa GSP, eksport Malaysia ke Amerika Syarikat akan membabitkan kos yang lebih tinggi. -- Lagi

♥11/06/16-15MST

CNS5744

R GB 11-06 00116 BB360

aab

GSP 5 Kuala Lumpur

+Jika mereka benar-benar memperjuangkan hak-hak pekerja, mereka seharusnya bertindak terhadap majikan dan bukannya negara,+ kata Encik Rajasekaran, yang sekarang menjadi anggota majlis am MTUC.

Katanya jika Malaysia dikeluarkan daripada senarai negara yang menikmati kemudahan GSP, syarikat-syarikat akan menghadapi masalah dan ini juga menjejaskan nasib pekerja.

ILRERF sepatutnya menggunakan sumbernya untuk mempengaruhi dan memberi pendidikan kepada majikan di Amerika supaya menghormati undang-undang buruh negara lain, kata beliau.

+Sebenarnya, syarikat-syarikat milik Amerikalah yang bersikap anti kesatuan,+ kata Encik Rajasekaran, yang juga penasihat khas kepada HSSMWU, yang kini tidak wujud lagi.

Beliau berkata, bekas Presiden HSSMWU Bruno Periera masih menganggur.  
-- Lagi

♥11/06/16-15MST

CNS5745

R GB 11-06 00087 BB361

aab

GSP 6 Kuala Lumpur

Setiausaha Agung Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO), Encik K. Sanmugam pula berkata petisyen ILRERF itu bertujuan membantutkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

+Pihak tertentu di Amerika mencari jalan untuk menghalang kemajuan di Malaysia dan mencari alasan untuk mengeluarkan Malaysia daripada GSP.

+Mereka bukannya memperjuangkan hak pekerja tetapi untuk membantutkan pembangunan,+ kata Encik Sanmugam.

Oleh itu, beliau menasihati pemimpin-pemimpin kesatuan di Malaysia bersikap lebih matang apabila berurusan dengan rakyat asing pada masa depan.

-- Bernama

♥11/06/16-16MST